

# HAPUSKAN PENGHALANG

PETALING JAYA, Sabtu — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menyarankan agar mana-mana unsur yang boleh menyekat pencapaian hasrat pembangunan negara diubahsuai atau dihapuskan.

“Sekiranya ini memerlukan tindakan ‘drastik’, tidak mengapa, asalkan tindakan itu wajar dan berpatutan,” tegas Datuk Musa ketika merasmikan Seminar Profesionalisme Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Datuk Musa berkata, dalam semangat pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah, adalah wajar bagi pemimpin pentadbiran sendiri menganalisa kelemahan-kelemahan dan bertindak mengatasinya.

Pemangku Perdana Menteri menegaskan, langkah itu perlu sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya perkhidmatan awamnya lebih profesional dalam menguruskan jentera Kerajaan dan pembangunan Negara.

Dalam Seminar bertemakan “Ke arah pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah” itu, Datuk Musa menggariskan tiga perkara yang patut diberi pertimbangan memenuhi cita-cita tersebut.

●Pertama, soal struktur dan fungsi birokrasi Kerajaan.

Beliau menegaskan, masih wujud lagi kelemahan-kelemahan sama ada dari segi tatacara yang lebih menekan kawalan pentadbiran dan pematuhan peraturan dari penyelesaian masalah dan dayacipta dalam pengurusan, struktur organisasi yang tidak sesuai dengan fungsi yang dijalankan.

●Kedua, terdapat kelemahan dari segi pengurusan kakitangan, di mana proses sistem perlantikan, pene-

ntuan dan perwujudan, jawatan dan kenaikan pangkat boleh menjejaskan prestasi perkhidmatan Kerajaan.

Akibatnya, tegas Datuk Musa, kelambatan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan berlaku, yang menjejaskan imej Kerajaan keseluruhannya.

●Ketiga, soal kecekapan kepimpinan di dalam organisasi-organisasi Kerajaan yang seringkali mendapat perhatian rakyat sama ada di Parlimen, Dewan-Dewan Undangan Negeri atau media massa.

Katanya, walaupun pada keseluruhannya prestasi yang dihasilkan adalah baik, kegagalan yang berlaku boleh meragukan kecekapan dan mengurangkan keyakinan rakyat terhadap kaliber pemimpin-pemimpin birokrasi negara.

Datuk Musa berharap pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik sebagai penasihat utama kepada Kerajaan, di samping memberi kepimpinan kepada birokrasi Kerajaan akan terus menjadi agen-agen pembaharuan menterjemah dasar-dasar menjadi program-program bertindak yang dinamik.

Beliau memberi amaran bahawa tidak sesiapa pun akan terlepas dari hukuman sekiranya didapati bersalah. Sebaliknya, Kerajaan akan terus memberi penghargaan kepada mereka yang berkhidmat cemerlang.

Datuk Musa berkata, setiap anggota perkhidmatan awam wajib memberikan khidmat yang setimpal dengan ganjaran yang diperolehi dari khazanah negara. Pengabaian tugas atau kegelinciran dari ikrar perkhidmatan bermakna perlakuan yang tidak amanah dan patut dihukum.